

Pengasingan Sisa Pepejal Isi Rumah

Pihak kerajaan mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah secara berperingkat mulai September 2015. Pelaksanaan ini berdasarkan Peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Secara umumnya, proses pengasingan sisa pepejal isi rumah ini melibatkan :-

1. Pengasingan sisa pepejal isi rumah mengikut komposisi sisa seperti plastik, kertas, kadbod, kaca, logam, sisa elektronik, sisa berbahaya dari rumah, sisa pukal dan sisa kebun.
2. Sisa yang diasingkan akan dikutip seminggu sekali mengikut jadual yang ditetapkan oleh syarikat konsesi yang telah dilantik.

Pelaksanaan pengasingan sisa pepejal isi rumah ini akan melibatkan negeri-negeri yang menerimapakai Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.

Bagi memastikan maklumat dan informasi berkaitan pengasingan sisa pepejal isi rumah disebarkan secara meluas dan berkesan kepada semua lapisan masyarakat, Solid Waste Corporation (SWCorp), KPKT telah merangka Pelan Tindakan Kesedaran Awam Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca 2015 yang bertujuan untuk mendidik dan membudayakan amalan pengasingan sisa pepejal di kalangan masyarakat Malaysia ke arah mewujudkan masyarakat yang menghargai sisa pepejal sebagai satu sumber, menjaga kebersihan persekitaran dan memelihara kelestarian alam sekitar. Pelan ini juga mengariskan 3 strategi dan beberapa tindakan yang dijangka mampu untuk merealisasikan aspirasi iaitu :-

- a. Meningkatkan penyebaran maklumat dan promosi tentang pengasingan sisa di punca melalui pelbagai medium:-
 - Promosi melalui pelbagai saluran TV dan radio;
 - Hebahan artikel yang diterbitkan melalui akhbar harian;
 - Hebahan melalui media sosial seperti facebook, twitter, instagram dan blog;

- Edaran panduan pengasingan sisa di punca dalam bentuk brosur kepada semua premis;
 - Penyediaan risalah, poster dan sebagainya.
- b. Mewujudkan kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak iaitu :-
- Kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan pembinaan kurikulum dan ko-kurikulum berkaitan pengasingan sisa di punca dan amalan 3R di peringkat prasekolah/tadika, sekolah rendah, menengah dan IPT;
 - Kolaborasi dengan komuniti setempat seperti JKKK, Persatuan Penduduk dan Jawatankuasa Rukun Tetangga melalui program 3R;
 - Kolaborasi dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui program pendidikan dan kesedaran awam serta dan program 3R;
 - Kolaborasi dengan pelbagai agensi kerajaan lain dan swasta.
- c. Mewujudkan pengiktirafan berkaitan Amalan Pengasingan Sisa Pepejal
- Mengadakan pengiktirafan kepada pihak yang mengamalkan pengasingan sisa pepejal terbaik bagi kategori suri rumah, komuniti dan agensi kerajaan.

Di samping itu, SWCorp juga akan memastikan fasiliti pengurusan sisa pepejal ditambahbaik dan pengoperasian pusat-pusat 3R peringkat komuniti berjalan lancar untuk memastikan kejayaan inisiatif baru ini.

Pelaksanaan Peraturan ini adalah sebahagian usaha Kerajaan untuk meningkatkan kadar kitar semula dan mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan sedia ada yang semakin kehabisan ruang. Aktiviti Amalan 3R dan pengasingan sisa pepejal isi rumah juga telah dikenalpasti sebagai salah satu langkah paling berkesan dalam usaha mengurangkan jumlah penjanaan dan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan disamping dapat meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan.

Melalui penerapan dan pembudayaan Amalan 3R dan pengasingan sisa pepejal isi rumah ini adalah diharapkan masyarakat akan menghargai sisa pepejal sebagai satu sumber baru yang dapat digunakan sebagai alternatif kepada sumber bahan mentah asli dalam pembuatan sesuatu produk. Ini secara tidak langsung akan dapat memastikan sumber – sumber alam semulajadi diuruskan secara bijak dan lestari demi kebaikan generasi masa hadapan serta alam sekitar.

Kerjasama, sokongan dan penglibatan masyarakat secara aktif dalam pelaksanaan pengasingan sisa pepejal isi rumah ini adalah salah satu faktor utama kejayaan program ini. Sebagai sebuah negara yang sedang bergerak ke arah status negara maju menjelang 2020, Malaysia harus meningkatkan aktiviti amalan 3R, pengasingan sisa pepejal isi rumah dan kadar kitar semula yang membanggakan di peringkat kebangsaan.

ISHANUDDIN BIN HUSSIN

3 Mac 2015